

# Tilapia miskin tegar!

Spesies ikan yang mudah diuruskan, memiliki daya tahan tinggi dan cepat membesar menjadi faktor tilapia merah dijadikan ikan ternakan dalam sangkar untuk diusahakan peserta projek Inisiatif Pendapatan Rakyat Tani (IPR-Intan) bagi sektor akuakultur di Pusat Pembenihan Ikan, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Berkongsi mengenai projek berkenaan, Pensyarah Kanan Fakulti Pertanian UPM Dr Fadhil Syukri berkata, lima peserta IPR-Intan yang juga kumpulan pertama projek itu, sedang mengusahakan ternakan tilapia dalam sangkar pada Disember lalu.

"Mereka ini mengikuti kelas bimbingan pada November dan Disember lalu. Bila kita pasti mereka betul-betul faham, baru mula dengan latihan amali iaitu menguruskan ikan dalam sangkar pada Disember.

"Kita mula dengan ikan tilapia, ketika itu saiz (ketika dilepaskan dalam sangkar) antara dua dan tiga inci. Satu sangkar kita lepaskan 2,000 ekor anak ikan," katanya ketika ditemui Bernama di Pusat Pembenihan Ikan UPM.

IPR-Intan adalah strategi serampang dua mata dengan sasaran meningkatkan pendapatan peserta dan memberi pendedahan mengenai pertanian pintar berteraskan Internet Kebebasan (IoT).

Fadhil yang berpengalaman selama

15 tahun dalam bidang pembenihan ikan itu berkata, setiap peserta ketika ini dipertanggungjawab menjaga empat sangkar tilapia dan menjangkakan ikan itu mencapai saiz antara 400 dan 500 gram pada April atau Mei ini.

"Bila ikan sudah capai saiz besar, maka kita anggar seorang peserta akan urus lapan sangkar ikan. Keseluruhannya, kita target 1,000 ekor dalam satu sangkar," katanya yang mempunyai kepakaran dalam bidang genetik akuakultur dan pembiakbakaan.

Beliau berkata, ketika ini setiap peserta perlu memberi ikan makan tiga kali sehari, namun tidak lama lagi UPM akan menggunakan mesin makanan ikan automatik selaras dengan objektif IPR-Intan iaitu pertanian pintar berteraskan IoT.

"Kita mahu menggalakkan peserta guna elemen

**"Tilapia ini nanti kita tolak RM10. Satu sangkar boleh dapat hasil hingga satu tan, jadi satu sangkar dianggarkan dalam RM10,000 hasil jualan"**



DR Fadhil ketika ditemui di Pusat Pembenihan Ikan, UPM. Gambar kanan, Dr Fadhil menunjukkan anak ikan yang digunakan dalam projek IPR-Intan.



SEBANYAK 2,000 anak ikan tilapia dilepaskan ke dalam satu sangkar untuk diusahakan peserta IPR-Intan.

IoT. Bila ada mesin makanan automatik, ikan akan diberi makanan iaitu dedak ikut kesesuaian contohnya tiga atau empat jam sekali. Bila kerap bagi makan, ikan tidak lapar dan bantu tumbesaran,"

katanya menambah dedak itu diperbuat daripada campuran baja ikan, serbuk ikan, jagung dan soya.

Mengenai potensi pasaran tilapia yang diusahakan peserta IPR-Intan itu, Fadhil berkata, spesies

berkenaan menjanjikan pendapatan lumayan buat peserta kerana ia sentiasa mendapat permintaan di pasaran negara.

"Tilapia ini nanti kita tolak RM10. Satu sangkar boleh dapat hasil hingga satu

tan, jadi satu sangkar dianggarkan dalam RM10,000 hasil jualan," katanya.

Berkongsi perancangan masa depan, Fadhil berkata, untuk tempoh beberapa bulan akan datang, kumpulan peserta IPR-Intan yang baharu kemungkinan mengusahakan ikan patin dan siapak air tawar dalam sangkar.

"Insya-Allah banyak penyelidikan yang UPM akan buat pada masa depan dan kami akan hasilkan lebih banyak benih ikan yang boleh dimanfaatkan peserta IPR-Intan," katanya.

Mengenai proses penyertaan IPR-Intan, beliau berkata, program itu terbuka kepada golongan miskin tegar dan B40 yang ingin meneroka teknologi baharu dalam bidang pertanian dan mendapatkan bimbingan daripada pakar bidang pertanian pintar UPM dalam meningkatkan pendapatan masing-masing.



SERAMAI lima peserta IPR-INTAN yang juga kumpulan pertama projek berkenaan mengusahakan ternakan tilapia dalam sangkar di Pusat Pembenihan Ikan, UPM, Serdang.